



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/6/2021	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM			

Gesa gubal enakmen undang-undang negeri

Penguatkuasaan lebih tegas diperlukan untuk lindungi alam sekitar

Oleh NIK AMIRUL MUMIN
BIN NIK MIN

KUANTAN

Kerajaan negeri Pahang perlu menggubal enakmen undang-undang negeri sebagai bukti komitmen kepada kelestarian alam terutama dalam memulihara status Hutan Simpan Kekal (HSK).

Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Negeri, Fuziah Salleh berkata, laporan sebuah portal berita yang mendakwa kawasan seluas 4,600 hektar yang dirancang sebagai HSK sejak 2019 masih belum diwartakan mengejutkan banyak pihak.

"Wujud dakwaan kawasan itu telah disemak semula bagi memberi laluan kepada aktiviti perlombongan melalui kelulusan permit pajakan kepada sebuah

syarikat.

"Sebagaimana yang didedahkan, kawasan lombong Lot 87978 seluas 40.51 hektar ini sudah terkeluar daripada kawasan asal yang sepatutnya diwartakan sebagai HSK," katanya melalui kenyataan pada Rabu.

Fuziah yang juga Ahli Parlimen Kuantan berkata, kawasan lombong tersebut juga dikenalpasti sebagai kawasan sensitif alam sekitar kelas dua seperti dalam Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

"Keadaan ini tidak meranjatkan kerana walaupun sesebuah kawasan diwartakan sebagai HSK, kerajaan negeri tetap boleh nyahwartakan kerana tiada enakmen negeri yang pernah digubal untuk memulihara status HSK di negeri ini," katanya.

Tambah beliau, Pahang perlu mencontohi kerajaan Selangor



FUZIAH

yang telah menggubal undang-undang negeri dengan mewujudkan Enakmen Hutan Selangor 2018 (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

"Melalui enakmen itu, proses nyah warta HSK tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya malah perlu melalui proses yang ketat untuk menukar statusnya," katanya.

Beliau menjunjung kasih atas keprihatinan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas titah baginda supaya kawasan Hutan Simpan Kekal Tasik Chini yang sedia ada di perluaskan dari 4,600 hektar kepada 6,000 hingga 7,000 hektar.

"Baginda mahu semua pihak sentiasa mengamalkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Urus Tadbir Yang Baik (ESG) supaya khazanah alam hari ini akan terus kekal dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang," katanya.